

31 DEC 1996

PM-Muhammad

MUHAMMAD TIDAK MENGAKUI WANG YANG DIBAWA, KEPUNYAANNYA

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib tidak membuat pengakuan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa wang yang dibawa dan tidak diisytiharkannya di Brisbane baru-baru ini kepunyaannya seperti yang dilaporkan akhbar hari ini.

Ini dinyatakan oleh pejabat Perdana Menteri hari ini.

"Perdana Menteri menafikan sekeras-kerasnya bahawa Tan Sri Muhammad mengakui kepada beliau bahawa wang itu kepunyaannya," menurut kenyataan satu muka surat itu yang dikeluarkan pejabat Perdana Menteri.

Menurut kenyataan itu apa yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir ialah Muhammad mengakui kepada pihak Australia bahawa wang yang dibawanya adalah kepunyaannya kerana beliau yang membawa wang itu.

"Tetapi beliau tidak memberitahu Perdana Menteri bahawa wang itu kepunyaan beliau. Beliau menjelaskan bahawa wang yang dibawanya milik adik beradiknya.

"Perdana Menteri tidak menyatakan ini kerana beliau mahu Tan Sri Muhammad menjelaskannya sendiri," menurut kenyataan itu.

Pemberita menanyakan isu itu kepada Dr Mahathir selepas beliau menyaksikan pengeluaran ke sejuta kereta Proton di Shah Alam semalam.

Muhammad bertemu Dr Mahathir Sabtu lepas dan menghadap Sultan Selangor pada Ahad untuk memberi penjelasan.

Muhammad memberitahu satu persidangan berita semalam bahawa wang itu diamanahkan oleh adik-beradiknya untuk membeli hartanah di Gold Coast Brisbane.

Beliau ditahan pada 22 Dis di Lapangan terbang Brisbane kerana gagal mengisytiharkan S\$1juta dan RM700,000 dalam bagasinya dan dijadual menghadiri Mahkamah Majistret Brisbane pada 21 Mac.

Muhammad yang berlepas ke New Zealand dari Brisbane berkata beliau membawa pulang wang itu kerana dua daripada adik-beradiknya tidak hadir untuk menyelesaikan perjanjian jual-beli bagi hartanah itu untuk kemudahan anak-anak mereka yang akan melanjutkan pelajaran di Australia.

Mengikut undang-undang Australia, mereka yang meninggalkan negara itu perlu mengisytiharkan jumlah wang yang melebihi A\$5,000 (RM10,000) dalam apa jua mata wang. -- BERNAMA

TCL RON